

U B218 DEB
MAHATHIR - DASAR

KUALA LUMPUR, 23 SEPT. (BERNAMA) -- SEMUA ANGGOTA PARLIMEN BARISAN NASIONAL AKAN DIBERI KEFAHAMAN MENGENAI DASAR-DASAR KERAJAAN DARI MASA KE SEMASA MELALUI SEMINAR SUPAYA MEREKA DAPAT MENGAMBIL BAHAGIAN DENGAN LEBIH BERKESAN DALAM PERBAHASAN DI DEWAN RAKYAT, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SEDAR BAHAWA KADANG KALA BERLAKU SALAH TAFSIRAN MENGENAI SESUATU DASAR KERANA PENTAFISRANNYA DISERAHKAN KEPADA PARA ANGGOTA PARLIMEN SENDIRI.

KATANYA MEREKA CUMA DIPERKENALKAN DENGAN SESUATU DASAR DARI SEGI TAJUKNYA SAHAJA.

SEKIRANYA PARA ANGGOTA PARLIMEN SENDIRI TIDAK MEMAHAMI DASAR-DASAR KERAJAAN MAKA MEREKA SUKAR UNTUK MENYERTAI PERBAHASAN DENGAN BERKESAN, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR MERASMIKAN SEMINAR YANG PERTAMA BAGI SEMUA WAKIL RAKYAT BARISAN NASIONAL MENGENAI DASAR-DASAR KERAJAAN SERTA STRUKTUR KERAJAAN. SEMINAR ITU BERLANGSUNG SELAMA DUA HARI. --LAGI
1442MST 23 09 86

D644

U B219 DEB
MAHATHIR - DASAR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MENTERI-MENTERI KABINET AKAN MEMBERI PENERANGAN KEPADA WAKIL-WAKIL RAKYAT ITU MENGENAI TAJUK-TAJUK DI BAWAH BIDANGKUASA MEREKA DENGAN DIBANTU OLEH PARA PEGAWAI TINGGI KERAJAAN.

KATANYA SEMINAR DUA HARI ITU MUNGKIN TIDAK MENCUKUPI DAN SEKIRANYA DIDAPATI MASIH TERDAPAT KELEMAHAN DARI SEGI KEFAHAMAN DASAR-DASAR KERAJAAN, SEMINAR SEUMPAMA ITU AKAN DIADAKAN LAGI.

DI PERINGKAT NEGERI, BELIAU BERKATA TERPULANGLAH KEPADA KERAJAAN NEGERI-NEGERI UNTUK MENGADAKAN SEMINAR ITU BAGI WAKIL-WAKIL RAKYAT TETAPI BEBERAPA NEGERI BERMINAT UNTUK MENJALANKANNYA DAN NEGERI PERAK BERBUAT DEMIKIAN HARI INI.

DASAR-DASAR YANG DIBERI PENEKANAN DALAM SEMINAR ITU TERMASUKLAH DASAR PANDANG KE TIMUR, INDUSTRI BERAT, PENERAPAN NILAI ISLAM, DASAR EKONOMI BARU (DEB) DAN DASAR PERTANIAN NEGARA, KATA BELIAU.

MENGULAS KENYATAAN SETIAUSAHA AGUNG MCA, DATUK LEE KIM SAI YANG MENDAKWA PENYELEWENGAN PERLAKSANAAN DEB BERLAKU KERANA ADA PEGAWAI KERAJAAN YANG MENGANGGAP CUMA ORANG MELAYU YANG MISKIN, BELIAU BERKATA PERKARA-PERKARA ITU ELOKLAH DIBINCANGKAN DALAM BN. --LAGI
1447MST 23 09 86

D645

U B220 DEB
MAHATHIR - DASAR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENDAPAT SEMACAM ITU PERLU DISOKONG DENGAN BUKTI DAN KERAJAAN SEDIA MEMPERBETULKAN PENYELEWENGAN JIKA ADA BUKTI.

MENGENAI JAWATANKUASA MENGAJAI PELAKSANAAN DEB YANG DITUBUHKAN OLEH UMNO, BELIAU BERKATA PARTI-PARTI POLITIK JUGA BOLEH MEMBINCANGKAN PELAKSANAAN DASAR ITU DAN TERPULANGLAH SAMA ADA MEREKA HENDAK MENUBUHKAN JAWATANKUASA YANG SERUPA.

KATANYA BAGI BN JAWATANKUASA UNTUK MEMBINCANGKAN MASALAH PERLAKSANAAN DEB SUDAH PUN ADA IAITU KABINET.

MENGENAI PINDAAN KEPADA AKTA RAHSIA RASMI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KABINET BELUM MELULUSKAN RANG UNDANG-UNDANGNYA KERANA BEBERAPA BUTIRAN TERPAKSA DIPERJELASKAN.

DITANYA SAMA ADA PINDAAN KEPADA AKTA ITU AKAN DIBENTANGKAN DI PARLIMEN BULAN DEPAN, BELIAU BERHARAP IA DAPAT DILAKUKAN.

MENGENAI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG DIPERCAYAI MENDAPAT BANTUAN KEWANGAN DARIPADA GERAKAN ZIONIST, BELIAU BERKATA PENDEDAHAN SEPENUHNYA MENGENAI PERKARA ITU TIDAK DIBUAT BUAT MASA INI KERANA KERAJAAN MEMERLUKAN LEBIH BANYAK BUKTI.

MENGENAI PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN KABINET, BELIAU BERKATA KERAJAAN BELUM BERHAJAT UNTUK MENGISI KEKOSONGAN YANG ADA DAN AKAN HANYA DIISI BILA DIFIKIRKAN PERLU. --BERNAMA

1451MST 23 09 86